

14 APR 2000

DR MAHATHIR AKAN BERI KETERANGAN JIKA HAKIM PUTUSKAN IA RELEVAN

HAVANA, 14 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau akan memberi keterangan dalam perbicaraan liwat bekas timbalannya Datuk Seri Anwar Ibrahim jika hakim membuat keputusan bahawa keterangannya relevan kepada kes itu.

"Jika beliau memutuskan bahawa ia relevan, saya akan hadir di mahkamah," kata Dr Mahathir pada persidangan berita di sini pada hari Khamis apabila ditanya kenapa beliau belum memberi keterangan pada perbicaraan Anwar.

Perdana Menteri, yang berada di sini bagi menghadiri persidangan kemuncak Kumpulan 77 Negara Membangun (G-77), berkata tidak ada keanggan pada pihaknya untuk memberi keterangan, "tetapi jika saya perlu memberi keterangan, ia mestilah relevan."

Dr Mahathir berkata beliau sudah mengemukakan afidavit balas beliau kepada afidavit Anwar yang menghendaki beliau (Dr Mahathir) memberi keterangan.

Katanya Anwar juga telah menjawab afidavit balasnya itu.

Dr Mahathir berkata kini tesaerahlah kepada hakim berkenaan untuk menentukan sama ada kehadirannya di mahkamah relevan atau tidak kepada kes itu.

Katanya apa yang sedang dilakukan oleh pihak pendakwaan kini adalah tidak lebih daripada mendapatkan penjelasan mengenai kerelevanan keterangannya.

-- BERNAMA
ES RYN NMO